

Latihan ‘Information Communication Technology’ (ICT): Sumbangan dalam Peningkatan Profesionalisme Perguruan

oleh

**Norasikin Fabil, Haslina Hassan,
Mashitoh Hashim, Ramlah Mailok**
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Zawawi Ismail
Universiti Malaya
Chia Sen Chun
Kementerian Pelajaran Malaysia

ABSTRAK

Pelbagai latihan telah diprogramkan ke arah peningkatan profesionalisme perguruan. Antaranya ialah latihan literasi ICT. Untuk itu, satu kajian telah dijalankan ke atas 50 responden di beberapa buah sekolah di daerah Port Dickson, Negeri Sembilan. Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan di antara latihan komputer dengan peningkatan profesionalisme perguruan. Tiga (3) Faktor utama yang diukur iaitu pengetahuan, sikap positif serta tahap kemahiran. Dapatan kajian menunjukkan, terdapat peningkatan yang rendah dikalangan guru dalam peningkatan pengetahuan, sikap positif dan tahap kemahiran selepas mengikuti latihan. Kajian juga menunjukkan hubungan yang tidak signifikan antara latihan dan faktor-faktor yang mengukur peningkatan profesionalisme perguruan. Kajian merumuskan terdapat banyak faktor yang menghalang kejayaan sesuatu latihan yang dilaksanakan, namun program latihan yang terancang, kesedian guru dan sokongan selepas latihan yang berterusan dapat membantu peningkatan profesionalisme perguruan dalam dunia pendidikan global.

Pengenalan

Guru merupakan aset yang penting dalam institusi pendidikan kerana merekalah yang mempunyai hubungan secara langsung dengan pelajar. Segala matlamat dan wawasan pendidikan yang ingin dicapai oleh negara terpikul di atas bahu guru. Oleh itu, untuk mencapai hasrat negara dalam melahirkan sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran, maka usaha harus dilakukan untuk melahirkan guru yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Usaha ini boleh didapati dengan mengikuti berbagai program pembangunan staf yang dirancang seperti kursus dan latihan samada yang dianjurkan oleh sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri atau institusi-institusi pendidikan yang lain dalam bidang Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Malah kebanyakan universiti dan maktab perguruan juga telah menetapkan bahawa kursus komputer dalam pendidikan sebagai salah satu kursus teras yang wajib diambil oleh pelatih atau bakal guru.

Latar Belakang Kajian

Pendidikan berperanan menyediakan pelajar ke arah masyarakat yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi. Ini adalah untuk memenuhi hasrat negara yang terkandung dalam Wawasan 2020 bagi ingin meletakkan Malaysia mencapai status negara maju. Untuk mencapai status tersebut, negara memerlukan pekerja yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam teknologi amatlah diperlukan demi menghadapi cabaran masa depan. Untuk mencapai Wawasan 2020, berbagai bidang ilmu dan kemahiran telah dikenalpasti sebagai pemangkin ke arah cita-cita tersebut (Fisher, Dawkins & Akin, 1994). Di antara kemahiran yang dianggap kritikal dan memerlukan perhatian ialah bidang komputer, keusahawanan, teknikal dan vokasional juga sains komputer. Sekolah dianggap sebagai satu institusi yang menghadapi cabaran paling besar untuk memenuhi keperluan ini.

Sejajar dengan hasrat ini, maka profesionalisme perguruan menjadi kian mencabar. Guru sebagai pelaksana wawasan perlu memiliki pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang akan menentukan kejayaan mereka dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan. Pengetahuan dan kemahiran yang mesti dikuasai meliputi pelbagai aspek seperti pengetahuan dalam bidang pedagogi, psikologi, penyelesaian masalah dan sebagainya. Sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat pula, maka guru tidak harus ketinggalan dalam menguasai bidang ini. Salah satu bidang yang diberikan tumpuan ialah kemahiran menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk tujuan ini, berbagai program pembangunan dan latihan guru telah dirancang serta dilaksanakan oleh pelbagai pihak dalam institusi pendidikan.

Dalam usaha untuk membimbing pelajar ke arah era maklumat, guru harus bersedia untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan berbagai perubahan yang berlaku. Guru harus menukar peranan daripada penyampai budaya kepada pelajar sepanjang masa (continuous learner). Sejajar dengan perubahan ini, amalan program latihan dan pembangunan guru juga harus berubah. Banyak masa dan sumber yang harus ditumpukan dalam pembelajaran guru serta keperluan-keperluan guru sebagai pelajar dewasa.

Menyediakan program pendidikan guru yang berterusan menjadi amat penting pada masa kini kerana peranan guru yang telah berubah dalam memenuhi tuntutan sosial yang sentiasa berubah. Malahan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, memang terdapat komitmen yang tinggi untuk menyediakan program pembangunan staf yang berkesan dan melibatkan perancangan jangka panjang. Untuk memastikan pendidikan guru yang berterusan, program pembangunan staf memerlukan pelaburan yang tinggi serta perancangan yang teliti. Jika tidak, maka ramai guru yang tidak berpeluang untuk mengikutinya. Selain itu, pemantauan juga harus dilakukan untuk memastikan bahawa segala pengalaman dan pembelajaran yang telah dialami oleh guru dapat diamalkan khususnya untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Pernyataan Masalah Kajian

Walaupun banyak usaha telah dilakukan bagi meningkatkan kemahiran guru dalam bidang komputer, tetapi beberapa kajian yang dijalankan mendapati bahawa tahap penggunaan komputer di sekolah masih belum memuaskan. Menurut Munirah Ghazali (1995) dalam tinjauannya mengenai penggunaan komputer di sekolah-sekolah sekitar Pulau Pinang, di antara 9 buah sekolah menengah yang memiliki komputer, tiada guru yang terlibat dalam menggunakan komputer untuk pembelajaran Matematik. Malah tahap pengetahuan guru

mengenai komputer juga adalah rendah.

Kajian yang dijalankan oleh Rio Sumarni (1996) di Johor yang melibatkan guru-guru sains juga menunjukkan pembelajaran berkomputer tidak dilaksanakan kerana guru mempunyai pengetahuan dan kefahaman yang rendah mengenai pembelajaran berkomputer walaupun mereka mempunyai sikap yang positif dan berminat untuk mempelajarinya.

Muhammad Hassan (1998) turut menjalankan tinjauan terhadap pelajar di Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang terdiri daripada bekas guru yang mengikuti kursus Teknologi Pendidikan. Tinjauan ini berkisar tentang pengetahuan dan penggunaan komputer untuk pengajaran dan pembelajaran. Walaupun peratusan kekerapan dan tahap penggunaan komputer agak memuaskan, tetapi penggunaannya masih terhad untuk menaip sahaja sementara penggunaan komputer untuk pengajaran masih di tahap yang rendah.

Walaupun telah banyak usaha dan wang ringgit telah dilaburkan untuk menggalakkan guru-guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam penggunaan komputer, tetapi pada umumnya penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran masih belum memuaskan. Seperti yang dinyatakan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan KPM (1995) dalam kajian “Kajian khusus Dalamkhidmatan” walaupun Kdnamun kesan gandaan serta perlaksanaannya diperingkat sekolahmasih belum memuskan. Oleh itu, pengkaji ingin melihat kesan latihan atau kursus terhadap factor-faktor yang membantu peningkatan professional perguruan. Kajian juga ingin melihat sejauh mana pengaruh pengalaman dalam mempengaruhi kesan latihan atau kursus yang dihadiri oleh guru-guru.

Matlamat Kajian

Matlamat utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti kesan latihan dalam bidang komputer terhadap faktor yang mempengaruhi peningkatan profesionalisme perguruan. Disamping itu kajian ini untuk melihat pengaruh pengalaman mengajar guru dalam memberikan kesan terhadap latihan atau kursus yang dihadiri.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah untuk:

- i. mengenalpasti kesan latihan dengan peningkatan profesionalisme perguruan dari aspek peningkatan pengetahuan, sikap yang positif dan kemahiran menggunakan komputer;
- ii. mengenalpasti hubungan antara pengalaman mengajar dengan pengetahuan, sikap yang positif dan kemahiran komputer setelah mengikuti latihan.

Limitasi Kajian

Perlaksanaan kajian ini dibataskan kepada unsur-unsur yang berperanan mempengaruhi kesan sesuatu latihan dalam program pembangunan staf terhadap peningkatan profesionalisme perguruan khususnya di kalangan guru di daerah Port Diskson, Negeri Sembilan yang merangkumi pengetahuan, sikap dan kemahiran dalam menggunakan komputer.

Pemilihan pembolehubah-pembolehubah sikap, pengetahuan dan kemahiran adalah atas rasional bahawa perubahan serta peningkatan dalam aspek-aspek tersebut sering menjadi matlamat mengapa sesuatu latihan itu diberikan kepada kakitangan. Maklumat kajian ini diperolehi melalui soal selidik sahaja yang melibatkan guru-guru yang mengajar di daerah

Port Dickson, Negeri Sembilan dan pernah mendapat latihan dalam bidang komputer.

Latihan Untuk Pembangunan Staf

Staf atau kakitangan merupakan sumber tenaga manusia yang penting dalam sesebuah organisasi. Staf dalam organisasi pendidikan terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam dunia pendidikan iaitu guru, kakitangan pendidikan, kakitangan pentadbiran termasuk staf sokongan serta pelajar.

Dalam kajian ini, staf merujuk kepada guru-guru yang berkhidmat di sekolah dan mempunyai hubungan secara langsung dengan pelajar. Sumber tenaga manusia adalah penting dalam pembangunan sesebuah negara. Oleh itu, tumpuan terhadap pembangunan kakitangan atau staf adalah penting dari segi menyediakan berbagai kursus dan latihan untuk melahirkan kakitangan yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran dalam menggerakkan pembangunan Negara dalam berbagai bidang. Oleh itu, pembangunan staf pada umumnya boleh merujuk kepada peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran individu atau kakitangan sesebuah organisasi atau institusi melalui program-program seperti kursus dan latihan supaya dapat digunakan untuk membangunkan organisasi.

Menurut Jaafar Muhammad (1985), latihan bermaksud pendidikan yang didapati untuk memahirkan atau memperolehi sesuatu kepandaian. Konsep latihan selari dengan konsep pembelajaran di mana individu mendapat kemahiran, pengetahuan dan kebolehan yang akan menimbulkan perubahan tingkah laku yang kekal.

Mengikut Sibson (1976), latihan dibentuk untuk memberi kemahiran yang diperlukan oleh kakitangan dalam melaksanakan tugas mereka. Hackett (1979) pula berpendapat latihan ialah sejumlah masa yang ditetapkan oleh pihak pengurusan kepada pekerja-pekerja baru atau lama untuk memberitahu serba sedikit tentang polisi organisasi, peraturan kerja dan sebagainya. Ia bertujuan untuk melahirkan pekerja yang berpengetahuan dan mahir dalam bidangnya. Secara formalnya, latihan ialah kursus-kursus yang dibentuk untuk melahirkan pekerja yang berkualiti.

Stephan (1978) telah mengkategorikan latihan kepada lima bahagian iaitu pendidikan pra-perkhidmatan, latihan orientasi, latihan induksi, latihan dalam perkhidmatan dan pendidikan berterusan. Menurut beliau lagi, latihan dalam perkhidmatan ialah proses yang dilalui oleh mereka yang sedang berkhidmat dalam sesebuah organisasi.

Latihan kakitangan di dalam sesebuah organisasi bermula dengan analisis keperluan latihan. Menurut Wan Azmi Ramli (1994), berdasarkan penemuan analisis ini sesebuah organisasi harus menyediakan latihan yang diperlukan oleh kakitangannya. Latihan adalah perlu bagi melengkapkan kakitangan dengan kemahiran dan pengetahuan serta sikap positif untuk meningkatkan lagi prestasi mereka dalam menghasilkan keluaran atau perkhidmatan yang berkualiti. Ini disokong oleh Mahadavan (1997) yang mengatakan bahawa program latihan atau pembangunan staf mesti mengambil kira keperluan dan keutamaan guru. Ini adalah kerana keperluan bagi setiap peserta adalah berbeza-beza. Oleh itu, jika ia tidak dirancang dengan teliti, ia boleh menimbulkan tanggapan yang negatif di kalangan guru kerana mereka merasakan program latihan yang dihadiri tidak relevan dan tidak dapat menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Latihan Komputer Dalam Peningkatan Profesionalisme Perguruan

Guru merupakan individu yang bertugas di organisasi sekolah dan secara khususnya bertanggungjawab dalam mendidik para pelajar. Sementara perguruan adalah profesionalisme mereka yang terlibat dengan pendidikan di sekolah. Dalam bidang pendidikan, seorang guru yang sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kualiti pengajarannya dan mementingkan kejayaan dan kebajikan pelajarnya dikatakan mempunyai profesionaliti yang tinggi. Dengan kata lain, guru itu melihat perguruan dan tugasnya bukan semata-mata sebagai pekerjaannya tetapi sebagai profesinya.

Profesionalisme perguruan sering dikaitkan dengan profesionalisme atau profesionaliti yang boleh ditafsirkan secara berbeza-beza. Menurut Hoyle (1980) profesionalisme adalah sikap dan tindakan yang menyentuh tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan pekerjaan seperti hal-hal tentang syarat-syarat kerja, soal gaji dan upah dan jadual tugas sementara profesionaliti pula merujuk kepada sikap dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh seseorang terhadap profesionalismenya serta taraf pengetahuan dan keterampilan dalam bidang pekerjaan itu.

Latihan dapat meningkatkan profesional khususnya dalam bidang perguruan. Ini disokong oleh Hussein Haji Ahmad (1991), dalam kertas kerjanya “Keberkesanan Penyelia Guru Dalam Meningkatkan Profesionalisme Mereka” mengatakan berbagai aktiviti perlu diadakan untuk meningkatkan profesionalisme dalam pendidikan supaya guru dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam meninggikan mutu pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Namun dalam menyediakan latihan pembangunan staf era teknologi maklumat bukanlah satu perkara yang mudah. Menurut McKenzie (1991), berbagai pengubahsuaian latihan perlu dilakukan untuk agar ia dapat diamalkan. Pendekatan tradisional yang tertumpu kepada mengubah tingkah laku guru akan menjadikan sesuatu program itu suatu pembaziran. Pelbagai pendekatan yang berbeza diaplikasikan dan dilaksanakan bersesuaian dengan keperluan kumpulan kakitangan yang berbeza.

Jenis Latihan Komputer

Pelaksanaan “Kursus 14 Minggu Komputer Dalam Pendidikan” dan “Kursus Pendidikan Jarak Jauh Dalam Bidang Komputer” yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam melaksanakan Sekolah Bestari, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dipertanggungjawabkan untuk melatih guru-guru yang mengajar di sekolah tersebut sejak tahun 1998. Oleh itu, Pelaksanaan “Kursus 14 Minggu Komputer Dalam Pendidikan” dan “Kursus Pendidikan Jarak Jauh Dalam Bidang Komputer” adalah untuk melahirkan guru yang berketrampilan bagi mengaplikasi dan mengintegrasikan teknologi seperti multimedia dan komunikasi digital dalam pengajaran dan pembelajaran serta mengurus bilik darjah yang mempunyai kemudahan teknologi multimedia.

Manakala “Kursus Penggunaan Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran” yang dianjurkan oleh Pusat Kegiatan Guru, Pejabat Pendidikan Daerah adalah untuk membolehkan guru-guru dari daerah itu mempunyai peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang komputer, seterusnya mengintegrasikan penggunaan teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran.

Begitu juga “Kursus Dalam ICT ” di peringkat sekolah dikendalikan oleh guru-guru yang mahir dalam bidang komputer atau yang telah menghadiri “Kursus Penggunaan Teknologi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran” yang dianjurkan oleh Pusat Kegiatan Guru kepada guru-guru yang lain dengan tujuan memberi peluang luas kepada mereka untuk meningkatkan kemahiran penggunaan komputer dan pembangunan perisian.

Metodologi Kajian

Sampel Kajian

Dalam kajian ini, sampel telah dipilih secara rawak supaya setiap individu dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih. Menurut Mohd. Majid Konting (1994), saiz sampel kurang penting dan apa yang diambil berat ialah sampel dapat mewakili populasi. Pengkaji digalakkan menggunakan saiz sampel melebihi 50 unit. Menurut Walter and Meredith (1989) pula kajian korelasi biasanya memerlukan sekurang-kurangnya 30 kes. Untuk kajian ini, penyelidik telah menggunakan 58 sampel kajian.

Instrumentasi

Kajian ini telah menggunakan soal selidik sebagai alat pengukur. Pemilihan alat ini bertujuan untuk menegnalpasti kesan latihan dalam bidang komputer yang telah diikuti terhadap peningkatan pengetahuan dan kemahiran serta perubahan kepada sikap yang lebih positif terhadap penggunaan komputer untuk tujuan profesionalisme mereka. Perubahan atau peningkatan dalam aspek ini merupakan objektif utama kebanyakan latihan untuk kakitangan sesebuah organisasi bagi tujuan pembangunan staf atau kakitangan.

Lokasi Kajian

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru dari empat buah sekolah rendah di Daerah Port Dickson. Sekolah-sekolah yang telah dipilih untuk dikaji selidik ialah SJK (C) Chung Hua Lukut, SJK (C) Chung Hua Port Dickson, SJK (C) Yik Chiao dan SJK (C) Ladang St. Leonard . Di antara 4 buah sekolah ini, dua buah sekolah adalah sekolah bandar dan dua buah lagi sekolah luar bandar.

Dapatan Dan Analisa Kajian

Latar Belakang Responden

Jadual 1.0 menunjukkan taburan peratusan latar belakang responden dari segi jantina, umur, pengalaman, serta keperluan penngguna komputer. Daripada 58 orang responden, 8 orang (13.8%) adalah guru lelaki, manakala 50 orang (86.2%) adalah guru perempuan.

Dapatan menunjukkan seramai 13 orang (22.4%) berada dalam peringkat umur 21 hingga 29 tahun, 30 orang (51.7%) berusia antara 30 hingga 39 tahun, 13 orang (22.4%) dalam kumpulan umur 40 hingga 49 tahun dan 2 orang (3.4%) telah mencapai usia 50 tahun. Ini memberi gambaran bahawa majoriti guru (74.1%) yang mendapat latihan dalam komputer adalah mereka yang berusia di bawah 40 tahun.

Dari segi kumpulan perkhidmatan, 53 orang (91.4%) adalah guru bukan siswazah dan 5

orang (8.6%) guru siswazah. Daripada jumlah ini, mereka yang berkhidmat kurang daripada satu tahun adalah seramai 4 orang (6.8%), 13 orang (22.4%) berkhidmat satu hingga lima tahun dan 14 orang (24.1%) telah berkhidmat antara enam hingga sepuluh tahun. Seramai 12 orang (20.7%) telah berkhidmat antara 11-15 tahun dan 15 orang (25.9%) melebihi 15 tahun.

Berdasarkan keperluan penggunaan komputer, seramai 52 orang guru (89.7%) menggunakan komputer dalam melaksanakan tugas di sekolah dan 6 orang (10.3%) mengatakan tidak memerlukan komputer. Ini memperlihatkan bahawa majoriti guru yang telah menjalani latihan menggunakan komputer kerana komputer merupakan satu keperluan dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik.

JADUAL 1.0 Kekerapan dan Peratusan Latar Belakang Responden

Perkara	Latar Belakang	Bilangan	Peratus
Jantina	Lelaki	8	13.8
	Perempuan	50	86.2
Umur	21-29 tahun	13	22.4
	30-39 tahun	30	51.7
	40-49 tahun	13	22.4
	> 50 tahun	2	3.4
Kumpulan Perkhidmatan	Bukan siswazah	53	91.4
	Siswazah	5	8.6
Pengalaman Mengajar	< 1 tahun	4	6.8
	1-5 tahun	13	23.4
	6-10 tahun	14	24.1
	11-15 tahun	12	20.7
	> 15 tahun	15	25.9
Menggunakan komputer	Ya	52	89.7
	Tidak	6	10.3

Objektif 1: Kesan Latihan Dalam Komputer Dengan Peningkatan Profesionalisme Perguruan

Berdasarkan dapatan yang dibincangkan, min ketiga-tiga pembolehubah yang diukur menunjukkan peningkatan yang sederhana. Ini secara signifikan menunjukkan terdapat latihan dalam komputer dapat membantu peningkatan profesionalisme guru. Bagi menilai peningkatan pembolehubah tersebut, kajian ini menggunakan skala seperti berikut:

Tahap	Min
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.66
Tinggi	3.67 – 5.00

Kesan Latihan Komputer Terhadap Pengetahuan

Sepanjang hayat perkhidmatan, latihan yang berterusan amat diperlukan oleh setiap kakitangan dalam organisasi untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, meningkatkan

kemahiran serta prestasi samada prestasi individu secara khusus dan prestasi organisasi sekolah secara umumnya. Oleh itu semua guru mesti diberi peluang untuk mengikuti berbagai latihan yang ada bagi meningkatkan ilmunya terutamanya dalam bidang-bidang yang baru dan berkaitan dengan dunia pendidikan. Jadual 4.2 menunjukkan tanggapan responden terhadap peningkatan ilmu pengetahuan dalam teknologi komputer setelah mengikuti latihan dalam komputer.

Berdasarkan Jadual 2.0, responden berpendapat terdapat peningkatan dari segi pengetahuan dalam bidang komputer kesan dari latihan yang dihadiri di mana purata min keseluruhan adalah **3.55**. Keseluruhan menunjukkan seramai 42 orang guru (72.5%) berpendapat mereka boleh menggunakan beberapa perisian komputer dengan jayanya. 36 orang guru (79.4%) boleh membuat penilaian dan menggunakan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran, manakala 41 orang guru (70.1%) mampu untuk mencari peluang meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang komputer. 41 orang guru (70.8%) juga berpendapat mereka boleh mengenalpasti perkaitan antara kemahiran mencari maklumat dengan objektif kurikulum.

Manakala 32 orang (55.2%) mengatakan mereka boleh mempelbagaikan strategi penggunaan komputer untuk menggalakkan proses pembelajaran dan 28 orang (48.3%) merasakan mampu meningkatkan pelajar dalam membuat jangkaan, interpretasi dan sintesis dalam pembelajaran berasaskan komputer. Namun dari segi aplikasi komputer, 37 guru (63.7%) mengatakan mereka kurang melakukan demonstrasi bagaimana untuk menggunakan komputer. Seramai 30 orang (51.7%) pula berpendapat mereka kurang memahami aspek yang berkaitan dengan etika, perundangan dan isu kemanusiaan yang berkaitan dengan literasi komputer..

JADUAL 2.0 : Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min Peningkatan Pengetahuan

Item Pengetahuan	STS	TS	KS	S	SS	MIN
Boleh menggunakan perisian komputer	1 (1.7%)	1 (1.7%)	14 (24.1%)	33 (57.0%)	9 (15.5%)	3.83
Boleh menilai dan menggunakan komputer dalam proses P & P	1 (1.9%)	3 (5.1%)	8 (13.8%)	26 (62.0%)	10 (17.4%)	3.89
Mampu mencari peluang peningkatan pengetahuan dan kemahiran komputer	1 (1.7%)	4 (7.0%)	12 (21.2%)	31 (53.0%)	10 (17.1%)	3.75
Boleh mengenalpasti antara kemahiran mencari maklumat dengan objektif kurikulum	0 (0.0%)	3 (5.1%)	14 (24.1%)	36 (62.0%)	5 (8.8%)	3.74
Boleh melakukan demonstrasi Berkomputer	4 (6.8%)	7 (12.1%)	26 (44.8%)	17 (29.3%)	4 (6.9%)	3.19
Boleh membina dan mereka-Bentuk aktiviti pembelajaran berkomputer	2 (3.4%)	10 (17.1%)	22 (38.0%)	20 (34.7%)	4 (6.8%)	3.26
Mahir menggunakan perisian Produktiviti untuk tujuan professional dan peribadi	2 (3.4%)	5 (8.6%)	16 (27.6%)	28 (48.2%)	7 (12.2%)	3.61

Memahami aspek etika, perundangan dan isu yang berkaitan dengan teknologi baru	2 (3.4%)	7 (12.1%)	21 (36.2%)	26 (44.8%)	3 (5.1%)	3.36
Boleh mempelbagaikan strategi penggunaan komputer untuk menggalakkan proses pembelajaran.	0 (0.0%)	8 (13.8%)	18 (31.0%)	26 (44.8%)	6 (10.4%)	3.49
Boleh meningkatkan kemahiran mendidik pelajar untuk membuat jangkaan, interpretasi dan sintesis.	0	8 (13.7%)	22 (38.0%)	24 (41.4%)	4 (6.9%)	3.38
Purata Min Keseluruhan						3.55

Petunjuk: STS = Sangat Tidak Setuju
S = Setuju

TS = Tak Setuju KS = Kurang Setuju
SS = Sangat Setuju

Kesan Latihan Komputer Terhadap Sikap

Bagi individu yang tidak terdedah dengan teknologi komputer, mereka mungkin merasa takut untuk mempelajarinya. Oleh itu, pendedahan yang meluas harus diberikan dalam bentuk latihan supaya guru-guru tidak takut menggunakannya dalam tugas mereka. Secara umumnya, salah satu objektif latihan ialah mengubah sikap individu terhadap sesuatu yang dianggap baru.

Jadual 3.0 menunjukkan perubahan sikap guru yang positif hasil daripada latihan komputer. Purata keseluruhannya ialah **3.86**. Ini menunjukkan guru-guru yang pernah menghadiri kursus komputer menunjukkan sikap yang positif dalam teknologi ini. Seramai 45 orang guru (77.6%) berpendapat kemahiran komputer tidaklah sukar untuk dipelajari dan 50 orang (85.9%) mengatakan ia boleh meningkatkan kebolehan mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seramai 32 orang (55.1%) juga merasakan mereka telah menguasai teknologi komputer dan bersedia menggunakannya dalam bilik darjah dan 35 orang (60.2%) pula berpendapat komputer telah menggalakkan mereka mengubah cara pengajaran serta perhubungan mereka dengan pelajar. Seramai 32 orang (55.0%) juga berpendapat mereka merasa lebih seronok mengajar sekarang kerana kemampuan mereka dalam penggunaan komputer.

Seterusnya, 44 orang guru (75.9%) berpendapat mendapat sokongan daripada rakan-rakan dalam menguasai teknologi komputer dan 47 orang (80.4%) bangga dengan pencapaian mereka serta ingin berkongsi sama dengan rakan sekerja. Seramai 38 orang (65.6%) pula merasa seronok bekerja bersama rakan dalam menyediakan unit pengajaran berasaskan komputer. Kajian ini juga menunjukkan 44 orang (75.8%) lebih menghargai buku, pusat sumber serta kakitangannya kerana mereka banyak mendapat maklumat yang baru dan 54 orang (93.0%) telah bersedia menghadapi cabaran baru yang berkaitan dengan teknologi komputer.

JADUAL 3.0: Taburan Kekerapan, Peratusan dan Min Sikap

Item Sikap	STS	TS	KS	S	SS	MIN
Kemahiran komputer mudah dipelajari	0 (0.0%)	2 (3.4%)	10 (17.2%)	34 (58.6%)	11 (19.0%)	3.91
Latihan komputer meningkatkan kebolehan dalam proses P & P	0 (0.0%)	2 (3.4%)	5 (8.6%)	33 (56.6%)	17 (29.3%)	4.08
Telah menguasai teknologi komputer dan bersedia menggunakannya dalam proses P & P	2 (3.5%)	5 (8.6%)	19 (33.3%)	27 (46.5%)	5 (8.6%)	3.51
Rakan sekerja memberi sokongan	0 (0.0%)	2 (3.4%)	12 (20.6%)	29 (50.0%)	15 (25.9%)	3.98
Teknologi komputer menggalakkan perubahan cara pengajaran dan perhubungan dengan pelajar	0 (0.0%)	8 (13.7%)	15 (25.9%)	25 (43.1%)	10 (17.1%)	3.62
Lebih merasa seronok mengajar kerana kemampuan dalam penggunaan komputer	1 (1.7%)	5 (8.6%)	20 (34.4%)	24 (41.3%)	8 (13.7%)	3.58
Bangga dengan pencapaian dan ingin berkongsi bersama rakan sekerja	0 (0.0%)	2 (3.4%)	9 (15.5%)	31 (53.4%)	16 (27.0%)	4.02
Seronok bekerja bersama rakan dalam menyediakan rancangan pelajaran yang menggunakan komputer dalam kelas	1 (1.7%)	6 (10.3%)	13 (22.4%)	29 (50.0%)	9 (15.6%)	3.67
Lebih menghargai buku, pusat sumber dan kakitangannya kerana banyak mendapat maklumat baru	0 (0.0%)	2 (3.5%)	12 (21.0%)	30 (51.7%)	14 (24.1%)	3.93
Bersedia menghadapi cabaran baru yang berkaitan dengan komputer	0 (0.0%)	1 (1.7%)	3 (5.1%)	30 (51.7%)	24 (41.3%)	4.29
Purata Min Keseluruhan						3.86

Kesan Latihan Komputer Terhadap Kemahiran

Jadual 4.0 menunjukkan tahap kemahiran responden dalam penggunaan komputer. Min bagi tahap kemahiran ialah 3.85 iaitu pada tahap tinggi. Ini menunjukkan kebanyakan responden amat mahir dalam menggunakan perisian tersebut. Min bagi perisian pengajaran pula ialah 3.15 iaitu pada tahap sederhana. Min sederhana juga iaitu 3.22 pula dicapai bagi min tahap penggunaan perisian persembahan, penggunaan cd-ROM (3.24) dan penggunaan internet (3.25).

Namun kajian ini juga menunjukkan tahap kemahiran yang amat sederhana bagi kemahiran

membina pangkalan data (2.66), hampan elektronik (2.97) dan simulasi komputer (2.68).

Secara keseluruhannya, purata min kemahiran adalah **3.13**. Ini bermakna tahap kemahiran guru dalam menggunakan komputer adalah sederhana.

JADUAL 4.0: Taburan Kekeperan, Peratusan dan Min Tahap Kemahiran

Item Tahap Kemahiran	AL	L	S	M	AM	MIN
Pemprosesan perkataan	0 (0.0%)	2 (3.4%)	15 (25.8%)	31 (53.4%)	10 (17.2%)	3.85
Telekomunikasi – e-mail	5 (8.6%)	11 (19.2%)	21 (36.2%)	16 (27.6%)	5 (9.3%)	3.15
Perisian pengarangan (desktop publication)	2 (4.6%)	10 (20.4%)	20 (39.8%)	13 (25.9%)	5 (9.3%)	3.15
Perisian persembahan (desktop presentation)	2 (3.4%)	11 (18.9%)	24 (41.3%)	11 (18.9%)	10 (17.1%)	3.22
CD – ROM	4 (6.8%)	12 (20.6%)	19 (33.0%)	13 (22.4%)	10 (17.2%)	3.24
Membina pangkalan data (database design)	5 (9.0%)	21 (36.2%)	21 (36.2%)	9 (15.5%)	2 (3.4%)	2.66
Hampan elektronik (spreadsheet)	4 (6.8%)	12 (21.2%)	24 (41.3%)	16 (27.6%)	2 (3.4%)	2.97
Program grafik	2 (3.4%)	11 (19.0%)	22 (38.0%)	19 (33.3%)	2 (3.4%)	3.10
Pencarian maklumat-Internet	6 (10.3%)	10 (17.1%)	16 (29.3%)	16 (27.5%)	10 (17.2%)	3.25
Simulasi komputer	9 (15.5%)	14 (24.1%)	22 (37.9%)	13 (21.4%)	0 (0.0%)	2.68
Purata Min Keseluruhan						3.13

Petunjuk: AL = Amat Lemah L = Lemah S = Sederhana
M = Mahir AM = Amat Mahir

Objektif 2 : Hubungan pengalaman mengajar dengan sikap, pengetahuan dan kemahiran setelah mengikuti latihan dalam komputer

Secara keseluruhannya, boleh dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengalaman mengajar dengan peningkatan pengetahuan, perubahan sikap yang positif serta tahap kemahiran kesan daripada latihan dalam komputer.

Hubungan Pengalaman mengajar dengan peningkatan pengetahuan

Jadual 5.0 adalah hasil ujian korelasi Pearson bagi menentukan hubungan antara pengalaman mengajar dengan peningkatan pengetahuan dalam penggunaan komputer setelah mengikuti latihan.

Bagi dimensi pengetahuan, ujian korelasi memberikan nilai $r = 0.007$. Ini merupakan hubungan yang amat lemah dan boleh diabaikan. Nilai $p = 0.937$ adalah lebih besar dari aras signifikan 0.05. Ini menunjukkan tiada peningkatan pengetahuan komputer di kalangan guru setelah mengikuti latihan komputer.

Dengan merujuk kepada model pembelajaran Hoyle (1980) yang menerangkan tentang ciri-ciri peribadi peserta, beliau mengatakan bahawa peningkatan umur memberikan kesan yang positif terhadap daya intelektual di mana peserta akan lebih mudah memahami sesuatu konsep. Oleh itu, secara logiknya, peserta kursus atau latihan tidak akan menghadapi masalah untuk memahami apa yang diajar semasa mengikuti latihan tersebut. Dengan itu dapatan kajian ini adalah di luar jangkaan awal bahawa pengalaman mempunyai hubungan yang signifikan dengan peningkatan pengetahuan. Dalam konteks ini, secara umumnya dapat dirumuskan bahawa sama ada terdapat peningkatan ilmu pengetahuan atau tidak setelah mengikuti sesuatu latihan itu bukan disebabkan oleh usia atau berapa lama mereka telah menjadi guru.

JADUAL 5.0: Hubungan Antara Pengalaman Dengan Pengetahuan Komputer

Pekali Pearson	
Pengetahuan	
Pengalaman	0.007
($p = 0.937$)	
$p < 0.05$	

Hubungan Pengalaman mengajar dengan peningkatan sikap

Dari segi sikap yang positif pula, Jadual 6.0 menunjukkan nilai ($r = -0.066$). Nilai negatif menunjukkan pertalian yang songsang. Ini bermaksud guru-guru yang kurang berpengalaman menunjukkan sikap yang positif berbanding dengan guru yang berpengalaman. Walau bagaimanapun hubungan ini amat lemah dan tidak signifikan ($p = 0.495$). Ini menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengalaman mengajar dengan sikap yang positif setelah menghadiri latihan dalam komputer.

Hasil kajian ini mendapati terhadap hubungan negatif yang amat lemah di antara pengalaman mengajar dengan sikap yang positif. Hubungan yang negatif memberi gambaran bahawa guru-guru yang baru atau kurang pengalaman mengajar lebih menunjukkan sikap yang positif terhadap penggunaan komputer dalam pengajaran berbanding dengan guru-guru lama.

Walaupun terdapat tanggapan umum yang mengatakan peserta akan menunjukkan sikap yang lebih positif terhadap penggunaan komputer setelah mengikuti latihan, tetapi dapatan ini adalah menepati tanggapan awal pengkaji bahawa pengalaman mempunyai hubungan yang songsang dengan sikap. Ini adalah kerana penggunaan teknologi komputer dalam bilik darjah boleh dianggap baru bermula dalam sistem pendidikan kita, sedangkan kebanyakan guru yang berpengalaman telah mempunyai mind-set tentang kaedah pengajaran yang disukai. Oleh itu, mengikuti sesuatu latihan yang baru akan menimbulkan rasa yang tidak selesa di kalangan mereka.

Keadaan adalah sebaliknya bagi guru-guru baru, mereka telah mendapat pendedahan yang luas dalam teknologi komputer semasa mengikuti pengajian samada di maktab atau institusi pengajian tinggi. Oleh itu, mereka tidak merasa risau atau takut untuk menguasai dan mengamalkannya dalam bilik darjah.

JADUAL 6.0: Hubungan Antara Pengalaman Dengan Sikap Terhadap Komputer

Pekali Pearson

Sikap

Pengalaman	-0.066
(p = 0.495)	

$p < 0.05$

Hubungan Pengalaman mengajar dengan peningkatan kemahiran

Ujian korelasi ke atas kemahiran juga menunjukkan hubungan yang songsang ($r = -0.076$). Jadual 7.0 menunjukkan bahawa semakin banyak pengalaman mengajar, semakin rendah tahap kemahirannya dalam komputer walaupun telah mengikuti latihan dalam bidang tersebut. Dengan kata lain, guru-guru yang baru mengajar lebih mahir menggunakan komputer berbanding dengan guru yang lebih berpengalaman. Walau bagaimanapun, hubungan ini juga amat lemah dan boleh diabaikan. Nilai p (**0.416**) juga tidak menunjukkan hubungan yang signifikan.

JADUAL 7.0: Hubungan Antara Pengalaman Dengan Tahap Kemahiran Komputer

Pekali Pearson

Kemahiran

Pengalaman	-0.076
(p = 0.416)	

$p < 0.05$

Hasil kajian ini mendapati wujud hubungan yang songsang antara pengalaman mengajar dengan tahap kemahiran komputer. Hubungan ini bermaksud bahawa guru-guru yang kurang berpengalaman atau guru baru lebih mahir menggunakan komputer berbanding dengan guru yang lebih berpengalaman. Ini adalah kerana guru-guru tersebut memang sudah menguasai kemahiran komputer. Oleh itu, latihan yang diikuti memang mempunyai kaitan dengan pengalaman sedia peserta.

Keadaan ini mungkin berbeza bagi guru-guru yang telah lama mengajar terutamanya guru-guru yang melebihi usia 40 tahun. Latihan yang diikuti mungkin lebih merupakan suatu pendedahan sahaja dan belum sampai ke peringkat menguasai kemahiran.

RUMUSAN

Kajian ini menunjukkan terdapat kesan latihan penggunaan komputer dalam peningkatan sikap yang positif, pengetahuan dan kemahiran menggunakan komputer. Namun kajian mendapati faktor latar belakang guru yang mengikuti latihan komputer tidak memberi sumbangan yang bermakna terhadap pencapaian mereka dalam latihan tersebut.

Pada umumnya, sesuatu latihan itu diberikan kepada kakitangan bila dirasakan wujudnya keperluan untuk menguasai sesuatu kemahiran yang dapat membantu kakitangan menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan. Latihan juga diperlukan apabila wujud halangan yang menggagalkan pencapaian yang dicita-citakan atau apabila banyak keperluan perkerjaan seseorang tidak boleh dicapai. Namun begitu, dalam konteks ini peserta latihan merupakan kumpulan guru yang mempunyai berbagai pengalaman dan latarbelakang pendidikan yang berbeza. Oleh itu keperluan guru ini untuk mendapat latihan adalah berbeza dan faktor ini sering tidak diberi perhatian sewajarnya oleh perancang program latihan. Apabila jangkaan terhadap sesuatu latihan itu tidak dipenuhi, maka keberkesannya juga akan terjejas.

Ini disokong oleh satu kajian yang dilaporkan oleh Abdullah Md Yatim (1996) telah melaporkan tentang kelemahan pelaksanaan Kursus 14 Minggu Komputer dalam Pendidikan. Di antara kelemahan-kelemahan yang disebut adalah:

- i. Kekurangan makmal komputer untuk menjalankan kursus dengan sempurna.
- ii. Keperluan pensyarah yang mahir serta memahami sukatan kursus.
- iii. Perisian yang tidak berfungsi seperti yang diharapkan kerana ruang ingatan yang tidak cukup tinggi untuk perisian-perisian tertentu.
- iv. Perjalanan kursus yang tergendala kerana serangan virus komputer.

Selain dari faktor infrastruktur, ciri-ciri kandungan kursus ini harus diberi perhatian yang serius kerana ia berkait rapat dengan faktor peribadi peserta itu sendiri. Persoalan pertama yang harus difikirkan ialah adakah kursus yang dirancangkan itu berdasarkan analisis keperluan, serta memenuhi tahap perkembangan peserta. Amalan yang wujud di sekolah sekarang ialah seseorang guru itu dihantar berkursus berdasarkan bidang tugasnya di sekolah. Faktor ini menyebabkan guru yang sama akan menghadiri kursus atau latihan yang sama secara berulang-ulang walaupun dianjurkan oleh pihak yang berlainan. Keadaan ini boleh menimbulkan tanggapan negatif guru dan menjejaskan tumpuannya terhadap latihan yang diikutinya.

Untuk mengelakkan keadaan ini berlaku, sesuatu program latihan itu perlu dirancang mengikut peringkat perkembangan dan dalam jangka waktu yang agak panjang. Dengan ini guru betul-betul akan dapat meningkatkan pengetahuannya, kemahiran juga keyakinan dirinya supaya dapat diamalkan di sekolah. Antara rumusan daripada kajian ini ialah:

- i. Penguasaan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif amatlah perlu dalam melaksanakan tugas dengan berkesan. Matlamat ini boleh didapati melalui program latihan atau pembangunan staf yang berkesan.
- ii. Program latihan yang berkesan memerlukan perancangan yang rapi dengan mengambilkira aspek keperluan peserta, proses pelaksanaan dan khidmat.
- iii. Sokongan selepas latihan. Ia tidak harus berakhir dalam jangka masa yang singkat yang mesti berlaku secara berterusan. Pemantauan adalah perlu untuk memastikan

segala objektif atau maklumat latihan dapat dicapai melalui penggunaan dan amalan yang berterusan.

- iv. Penguasaan pengetahuan dan kemahiran komputer adalah satu keperluan dalam dunia pendidikan masa kini. Oleh itu, semua guru diberi peluang seluas-luasnya untuk mengikuti latihan komputer. Kemudahan penggunaan komputer di sekolah juga harus diberikan kepada semua guru supaya apa yang telah dipelajari dapat diamalkan di sekolah.